



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2007**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan "Selamat Tahun Baru Masehi 2007" kepada semua warga Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi, Kedutaan-Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam dan agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

2. Dengan tulus ikhlas Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga Perkhidmatan Awam atas sokongan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sumbangan ikhlas yang diberikan sepanjang tahun 2006. Sumbangan daripada semua agensi Kerajaan dan warga Perkhidmatan Awam mengikut bidang tugas yang diamanahkan telah menyumbang sedikit sebanyak kepada kemakmuran, keamanan dan keselamatan yang sama-sama kita nikmati selama ini.

3. Dengan melangkah ke tahun 2007 ini, marilah kita sekali lagi mengamat-amati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-60 tahun pada 15 Julai 2006, yang antara lain Baginda telah menitahkan berikut :

"Kita memerlukan sumber tenaga manusia yang professional dan produktif dengan budaya yang kompetitif.

Dalam hubungan ini adalah penting bagi jentera pentadbiran Kerajaan merancang sumber tenaga manusia dengan bersepadu dan mantap dan membasmi mana-mana jua elemen pertadbiran yang menghalang wujudnya budaya berdaya saing ini.

Perkhidmatan Awam memainkan peranan yang penting untuk memudahcara pembangunan negara termasuk pelaksanaan dasar-dasar untuk menarik pelaburan asing serta mematangkan SMEs.

Justeru itu mana-mana kelambatan dalam proses pelaksanaan hendaklah dikaji dan diatasi secepat mungkin.

Tidak syak lagi, langkah-langkah memodenkan perkhidmatan awam hendaklah dipertingkatkan bagi mendokong hasrat ini.

Proses-proses dan Prosedur pelaksanaan yang membolehkan perkhidmatan dan produk disampaikan dengan cepat lagi efisien, dengan tahap koordinasi antara-agensi yang mantap hendaklah



sentiasa dinilai semula, dipantau dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Rebah bangunnya bangsa kita adalah terletak di tangan kita sendiri. Alhamdulillah pada ketika ini kita mempunyai kemampuan yang membolehkan negara ini membangun dengan teratur dan terancang."

4. Ke arah ini, adalah diharapkan, semua Kementerian akan meningkatkan lagi usaha-usaha perancangan dan perkembangan sumber manusia termasuk mengadakan 'Rancangan Penggantian' yang kemaskini bagi kementerian masing-masing dan jabatan-jabatan di bawahnya.
5. Kita perlu secara berterusan memperbaiki mutu dan kecepatan perkhidmatan yang kita berikan kepada pelanggan-pelanggan kita. Penghidupan sebahagian daripada mereka bergantung kepada keputusan yang kita buat.
6. Jabatan Perkhidmatan Pengurusan telah secara berjadual membuat pengauditan terhadap Tekad Pemedulian Orang Ramai bagi beberapa agensi Kerajaan yang berurusan terus dengan orang ramai dan penemuan-penemuannya bagi sebilangan besarnya adalah masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan.
7. Oleh kerana itu, pada tahun 2007 ini, kita akan bersama-sama meningkatkan tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan dan kita fokuskan kepada 'penambahbaikan mutu pemberian perkhidmatan' (enhancing service delivery) oleh agensi dalam Perkhidmatan Awam.
8. Akhirnya, sekali lagi diucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Masehi 2007 dan semoga semua warga Perkhidmatan Awam akan dapat menyumbangkan khidmat bakti mereka terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih baik lagi dari tahun sebelumnya dan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah serta rahmat Allah Subhannahu Wataala.

**[ Pengiran Dato Paduka Haji Abd Hamid bin Pengiran Haji Mohd Yassin ]**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan BA 1000  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (1) JPM/SK/2007  
Tarikh: 07 Zulhijjah 1427  
28 Disember 2006